

25/06/2002

Media asing hanya minat terus cipta kecelaruan

BERULANG kali pada masa lalu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan pertimbangannya untuk meletakkan jawatan bagi menggembirakan media asing yang seolah-olah sentiasa ternanti-nanti detik untuk Perdana Menteri berbuat demikian. Jangkaan tarikh atau tempoh yang tinggal menjelang pengundurannya sentiasa menjadi soalan hangat tanpa jemu-jemu diulangi - baik selepas setiap pilihan raya umum, perhimpunan agung tahunan Umno atau rombakan Kabinet. Seolah-olah tiada jawapan yang dapat memuaskan hati mereka sehingga hubungan panas-dingin Dr Mahathir dengan media asing berlarutan sejak sekian lama. Kerap juga Dr Mahathir menyimpulkan media asing memang tidak menyenangkan dirinya kerana apa yang gemar digambarkan mereka ialah seolah-olah tiada satu kebaikan pun yang dilakukannya.

Pengumuman Dr Mahathir untuk meletakkan jawatan dalam parti dan kerajaan Sabtu lalu - disusuli restunya terhadap pengumuman penarikan balik pendirian itu kira-kira sejam kemudian - turut gagal mengubah apa-apa. Di antara ketidaktentuan politik, ketidakpastian peralihan kepemimpinan hinggalah kepada apa yang dikatakan sebagai wujudnya vakum kuasa, media asing sejak kelmarin memberi gambaran seolah-olah Malaysia sedang mengalami gelora tanda tanya hingga mengganggu kehidupan harian rakyat biasa. "Mahathir membuat Malaysia tertanya-tanya terhadap peralihan," demikian bunyi tajuk berita satu agensi asing, manakala satu agensi berbeza mengungkapkan: "Ketidaktentuan politik menggoyahkan Malaysia." Anehnya berita sedemikian ditulis berdasarkan andaian semata-mata walaupun koresponden mereka di Kuala Lumpur menyaksikan sendiri keadaan yang jelas berlawanan.

Sejak dulu, media asing yang gemar melabel Dr Mahathir sebagai 'pemimpin Asia yang paling lama kekal berkuasa', menyatakan beliau mahu menyanggah jawatan hingga ke akhir hayat. Di sebalik Perdana Menteri kerap menyatakan beliau akan berundur apabila tiba masa sesuai selain menamakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sebagai penggantinya - sebagaimana amalan Perdana Menteri terdahulu yang digantikan pemimpin nombor dua - media asing memilih untuk melontarkan pelbagai persoalan. Tidak langsung wujud masalah peralihan kuasa atau kepemimpinan seperti yang mereka gambar-gemburkan.

Hakikat bahawa Dr Mahathir sendiri memberi kebenaran kepada Pak Lah untuk mengumumkan kepada perwakilan Perhimpunan Agung Umno, Sabtu lalu, kesediaan beliau menarik balik peletakan jawatannya, adalah bukti bahawa pewaris kepemimpinan sudah ditentukan. Kalau pun ada persoalan, ia hanya berkisar kepada siapa yang bakal menjadi orang nombor dua tetapi ia bukanlah sesuatu yang mendesak ketika ini. Jawatan itu adalah hak dan keistimewaan Perdana Menteri dan biarlah ia dibuat apabila tiba waktunya nanti. Sebagaimana diumumkan, Dr Mahathir masih kekal sebagai Presiden Umno dan Perdana Menteri. Ia dengan sendirinya menidakkan 'ketidakpastian peralihan kepemimpinan' atau vakum kuasa yang sebenarnya cuma satu lagi agenda media asing untuk memberi gambaran negatif terhadap negara ini.

Benarlah seperti dikatakan Dr Mahathir bahawa media asing jarang sekali menulis sesuatu yang positif mengenai negara ini. Pada ketika Presiden Umno mengumumkan peletakan jawatannya Sabtu lalu pun, mereka sebaliknya menyatakan Malaysia tidak memiliki pengganti yang setanding dengan beliau. Berlawanan pula dengan masa lalu, media asing kini menjulang Dr Mahathir selaku 'arkitek dalam proses industrialisasi Malaysia' selain 'juara bagi negara membangun serta pemimpin sederhana yang bersuara lantang dari dunia

Islam selepas serangan 11 September'. Seperkara yang pasti, peralihan kuasa di negara ini, apabila tiba waktunya, akan berlaku dengan terurus dan tersusun dan bukan dalam keadaan bergelora seperti yang diandaikan media asing - sama ada mereka menyukainya atau tidak.

(END)